

Surat khabar: Utusan Malaysia (Hello Kampus)

Hari/Tarikh: 18/9/2013

Muka surat: 26

Tajuk : Unimasku Sayang Beri Nilai Tambah Kepada Pelajar.

Unimasku Sayang beri nilai tambah kepada pelajar

KOTA SAMARAHAN 17 Sept. - Program Unimasku Sayang diharapkan mampu memberi nilai tambah kepada pelajar melalui pendedahan kepada bidang di luar pengkhususan pengajian.

Dekan Pusat Pemajuan Pelajar (PPP) Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Prof. Madya Dr. Rusli Ahmad (**gambar**) berkata, selain itu program berkenaan diyakini mampu memantapkan aspek kemahiran insaniah dan meningkatkan tahap patriotisme dan jati diri pelajar.

"Objektif tersirat yang sangat penting dan ingin dicapai ialah untuk mewujudkan satu perasaan bersama iaitu rasa sayang antara warga Unimas dan komuniti berikutan kesan baik yang diperolehi melalui aktiviti yang dijalankan.

"Perasaan halus yang bersifat ikhlas dan suci itu diharap menjadikan Unimas sebagai rujukan utama kepada pembangunan komuniti setempat, bukan sahaja di Kota Samarahan dan yang berkaitan tetapi di seluruh Sarawak dan insya Allah di seluruh Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis Merdeka Raya dan Perasmian Program Unimasku Sayang,

di sini baru-baru ini.

Yang hadir sama, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Unimas, Prof Mohd. Fadzil Abdul Rahman dan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Unimas, Muhammad Zul Syafiq Abdul Wahab.

Memperincikan Unimasku Sayang, Rusli berkata, program itu berkonsep memasyarakatkan universiti dan komuniti melalui pelbagai jenis kegiatan pelajar bersama masyarakat.

Katanya, cetusan dan idea program itu datangnya daripada sapaan 'Salam, Unimasku Sayang' yang selalu diucapkan oleh Naib Canselor Unimas, Prof Datuk Dr. Mohamad Kadim Suaidi.

"Pelaksanaan program ini adalah berdasarkan konsep kerjasama pintar dan dalam keadaan tertentu akan menggunakan strategi lautan biru.

"Bentuk aktiviti yang ingin dijalankan adalah berdasarkan perbincangan dan persetujuan bersama antara semua pihak yang terlibat seperti agensi kerajaan, badan-badan berkanun, pihak pertubuhan bukan kerajaan, organisasi swasta, komuniti dan ahli-ahli dalam masyarakat," jelasnya.

